



MENTERI SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN PELAN KELONGGARAN PENGGAJIAN PEKERJA ASING

1. Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing bagi menyegerakan proses permohonan serta kelulusan penggajian pekerja asing di sektor-sektor kritikal. Dalam hubungan ini, pihak KSM ingin memaklumkan bahawa pelaksanaan program ini akan dilaksanakan bagi sektor / sub sektor kritikal seperti berikut:
 - i. **Perkilangan**
 - ii. **Pembinaan**
 - iii. **Perladangan**
 - iv. **Pertanian**
 - v. **Perkhidmatan (Restoran sahaja).**
2. Majikan di bawah kelima-lima sektor/sub sektor yang dinyatakan di atas boleh **mengemukakan permohonan penggajian pekerja asing melalui platform *Foreign Worker Centralised Management System (FWCMS)* di bawah Modul *FWe Approval* berkuat kuasa serta merta.** KSM akan memproses dan memberikan kelulusan permohonan penggajian pekerja asing ini **dalam tempoh tiga (3) hari bekerja** daripada tarikh permohonan diterima. **Pengiklanan kekosongan jawatan di Portal *MyFutureJobs* adalah dikecualikan berkuat kuasa serta merta.**
3. Majikan yang telah membuat permohonan penggajian pekerja asing dalam Modul *FWe Approval* dan Modul *eQuota* sebelum **17 Januari 2023** dimohon untuk mengemukakan semula permohonan baharu di dalam di Modul *FWe Approval* bagi membolehkan permohonan majikan dipertimbangkan di bawah Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing ini.
4. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Bahagian Pengurusan Pekerja Migran, Kementerian Sumber Manusia di talian 03-8885 2939/2940.

YB TUAN V. SIVAKUMAR
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
5 JANUARI 2023